



اَوْنَبُوْرُ سَيِّدِي تِيَكُوْلُوْ كِي مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FB2

Newspaper Highlight 2022

March



1 March 2022

by: Dr. Mohd Hafiz
Zulfakar

Nyala lampu kecemasan semasa hujan bukan bijak

SAUDARA PENGARANG,

UMUM tahu Monsun Timur Laut dari November hingga Mac setiap tahun merupakan musim hujan utama negara kita.

Hujan lebat bukan sahaja boleh menyebabkan banjir tetapi juga mengakibatkan kemalangan jalan raya sama ada di jalan biasa mahupun lebuh raya.

Walaupun malang itu tidak berbau, setidak-tidaknya dengan ada ilmu dan persediaan secukupnya, iaitu pemanduan selamat sewaktu hujan mampu mengurangkan risiko menempuh kecelakaan.

Dalam keadaan hujan, kita dinasihatkan mengurangkan kelajuan, lebih rendah daripada had laju ditetapkan. Kenderaan yang dipandu laju lebih berisiko untuk terbabas atau tergelincir terutama sekiranya brek terpaksa ditekan mengejut.

Keadaan licin berpotensi mengurangkan cengkaman tayar lalu mengakibatkan jarak berhenti tambahan diperlukan.

Oleh itu, amat penting kita sentiasa memastikan jarak selamat pemanduan dikekalkan.

Sentiasa pastikan ruang secukupnya antara kenderaan kita dengan objek di hadapan, sebaik-baik patuhi amalan jarak lima saat.

Sekiranya perlu membrek untuk memperlahankan kenderaan, usah ditekan pedal brek secara mengejut atau mendadak. Ini boleh menyebabkan kenderaan mudah hilang kawalan.

Tumpukan perhatian sepenuhnya ketika pemanduan. Peka keadaan sekeliling dan kekalkan penglihatan ke hadapan. Kurangkan aktiviti yang boleh menyebabkan tumpuan terganggu termasuk menggunakan telefon bimbit ataupun bergurau senda.

Sesaat terleka boleh merubah segala-galanya, lebih-lebih lagi sekiranya jarak penglihatan rendah atau melalui laluan yang tidak biasa. Kedua-dua belah tangan harus berada di posisi pukul tiga dan sembilan pada stereng kereta.

Pastikan gengaman erat dan bukan memandu dengan sebelah tangan. Ini penting agar dapat mengawal kedudukan kenderaan sekiranya berlaku sebarang peluncuran tidak

dijangka seperti terlanggar takungan air.

Sebagai pemandu yang prihatin terhadap pengguna lain di atas jalan, kita juga harus memastikan perlakuan pemanduan kita tidak menjejaskan tumpuan mereka. Jangan keliruan tumpuan pemandu lain dengan menyalakan lampu kecemasan.

Lampu kecemasan ini jangan dinyalakan ketika kenderaan sedang bergerak. Pemandu lain akan terjejas tumpuan kerana menyangka kenderaan yang menyalakan lampu ini sebagai objek tidak bergerak.

Pastikan juga lampu brek anda berfungsi agar membolehkan pemandu lain peka kedudukan kita.

Jarak penglihatan boleh terjejas disebabkan keadaan hujan lebat yang turun bersama tiupan angin kencang. Biasan air hujan menyebabkan objek di hadapan kelihatan seolah-olah lebih jauh dari jarak sebenar.

Mereka yang mempunyai masalah penglihatan akan berdepan suasana ketidaktentuan ketika memandu dalam suasana ini.

Keadaan hujan yang lebat memerlukan pemandu mempunyai medan penglihatan yang cukup jelas agar dapat melihat setidak-tidaknya lima atau enam meter ke hadapan. Nyalakan lampu besar suluh rendah bagi memberi lebih pencahayaan bagi membantu penglihatan.

Tahap kebolehlihatan ketika hujan akan bertambah buruk sekiranya bilah pengelap cermin sudah lama tidak diselenggara atau ditukar baharu lantas gagal memberi kualiti sapuan sekata dan sempurna.

Tahap kesabaran yang tinggi juga memainkan peranan penting dalam mengharungi pemanduan di kala hujan lebat. Tidak perlu mementingkan diri sendiri dan harus bertimbang rasa kepada pengguna lain.

Tiada guna terburu-buru bahkan menggadaikan keselamatan diri sendiri dan orang lain semata-mata ingin tiba cepat ke destinasi diinginkan.

**DR. MOHD. HAFIZ ZULFAKAR
& MOHD. FAIZOL RIZAL MOHD. RASID**
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Kampus Puncak Alam



JARAK penglihatan pemandu kenderaan boleh terjejas disebabkan hujan lebat.

4 March 2022

by: Dr. Wan Marhaini Wan Omar & Dr. Mohd Hafiz Zulfakar

Buka sempadan menerusi VTL bantu rancakkan semula ekonomi



Dr Wan Marhaini adalah Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu dan Dr Mohd Hafiz adalah Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam

Oleh Dr Wan Marhaini Wan Omar dan Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Selepas hampir dua tahun COVID-19 melanda dunia, semua negara melaksanakan pelbagai tindakan bagi memulihkan semula ekonomi domestik mereka. Dalam hal ini, Malaysia juga tidak terkecuali.

Bagi melaksanakan tujuan ini, antara inisiatif Malaysia adalah memperluaskan pembukaan sempadan melalui skim Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) sama ada melalui udara, darat dan laut.

Malaysia merintis skim ini dengan Singapura pada 29 November 2021 selepas pintu sempadan ditutup selama hampir 20 bulan sejak 2020. Persetujuan ini dicapai selepas mengambil kira kadar vaksinasi populasi dewasa bagi Malaysia dan Singapura yang mencapai 90 peratus.

Kerjasama kedua-dua negara dalam melaksanakan VTL laluan darat (VTL-Land) dan laluan udara (VTL-Air) bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala sedia ada, di samping menjadi serampang pemuliharaan ekonomi.

Pelaksanaan VTL dalam tempoh pasca pandemik ini bukan saja inisiatif merancakkan ekonomi kedua-dua negara tetapi mengambil kira permasalahan dihadapi rakyat Malaysia dan Singapura yang bekerja atau berulang alik setiap hari di antara sempadan bagi mencari rezeki.

Kedua-dua negara saling bergantung antara satu sama lain. Selain aspek pekerjaan, kerajaan juga melihat VTL darat memberi peluang kepada rakyat Malaysia

dan Singapura yang terpisah dengan keluarga untuk bertemu kembali keluarga mereka.

Walaupun pelaksanaan VTL darat adalah pergerakan rentas sempadan tanpa kuarantin, tidak tim-

bul keraguan isu penularan COVID-19 merentasi sempadan. Integrasi protokol kesihatan di antara Malaysia dan Singapura adalah mekanisme prosedur operasi standard (SOP) yang dirangka rapi dengan mengambil kira aspek kawalan kesihatan awam dan keselamatan.

Ini sekali gus memastikan pematuan terhadap SOP diperkasakan bagi mengelak tercetus semula penularan COVID-19. Pada 15 Februari lalu, persetujuan VTL bersama Brunei Darussalam juga dicapai. Malaysia dan Brunei secara dasarnya bersetuju melaksanakan VTL udara dan darat bagi melancarkan pergerakan rentas sempadan.

Perbincangan di antara Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mencapai persetujuan untuk mengiktiraf aplikasi MySejahtera dan BruHealth bagi penggunaan di kedua-dua negara.

Persetujuan pelaksanaan VTL di antara Malaysia dan Brunei ini memberi sinar baharu kepada sektor pelancongan domestik khususnya Sarawak.



Pelaksanaan VTL udara melancarkan pergerakan rentas sempadan antara negara. (Foto hiasan)

Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata, ini kerana rakyat Brunei adalah pengunjung tertinggi memasuki Sarawak sebelum COVID-19 melanda dunia. Keputusan melaksanakan VTL ini memberi nafas semula bagi sektor pelancongan di Bumi Kenyalang.

Pada 25 Februari lalu, Perdana Menteri bersama rakan sejawatnya di Thailand, Prayuth Chan-o-cha bersetuju untuk melaksanakan VTL udara, darat dan laut. Pengharmonian skim VTL serta Test & Go adalah penting disebabkan tiada lagi kuarantin dikenakan kepada rakyat dari kedua negara itu. Perbincangan juga merangkumi pengiktirafan sijil vaksin digital Malaysia dan Thailand.

Perincian yang teliti perlu dibuat termasuk mekanisme pemantauan sebelum pelaksanaan VTL sepenuhnya bagi memastikan penularan COVID-19 bagi kedua-dua negara adalah terkawal.

Seiring pelaksanaan VTL ini, beberapa pelaburan baru dipersetujui antara Malaysia dan Thailand. Malaysia merancang menceburi Model Ekonomi Bio-Circular-Green, penyelidikan dan pembangunan vaksin, elektrik dan kenderaan pintar, automasi dan robotik manakala Thailand bersetuju melabur dalam ekonomi digital dan teknologi hijau.

Sebagai rakan dagang, Malaysia menyasarkan perdagangan dua hala dengan Thailand dapat mencapai pendapatan sebanyak AS\$30 bilion menjelang tahun 2025 khususnya dalam tiga bidang utama iaitu produk dan perkhidmatan halal, pertanian dan industri asas tani serta pelancongan.

Kedua-dua negara turut bersetuju mengkaji kesesuaian dan kebolehsanaan pembinaan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Bangkok. Ini sudah pasti ditunggu pelbagai pihak untuk merancang aktiviti ekonomi kedua-dua negara yang kaya dengan pelbagai potensi untuk diterokai.

Pelaksanaan skim VTL ini adalah langkah bijak dan terbaik untuk negara memulih dan merancakkan kembali ekonomi pasca pandemik.

8 March 2022

by: Mohd Faizol

Rizal Mohd

Rasid &

Dr. Mohd Hafiz

Zulfakar

Ramai mampu bertahan sebulan saja jika PKP semula

SAUDARA PENGARANG,

UMUMNYA, maqasid syariah membawa maksud tujuan hukum Islam untuk menjamin kepentingan masyarakat dalam apa jua urusan kehidupan. Lima prinsip utama maqasid syariah adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Berdasarkan pemerhatian, prinsip maqasid syariah sangat berkait rapat dengan situasi pandemik Covid-19 yang melanda ketika ini.

Seharusnya lima prinsip utama maqasid syariah dijadikan panduan dan teras oleh masyarakat tidak mengira bangsa atau agama dalam membuat persediaan dan perancangan menghadapi kesan berpanjangan pandemik ini.

Masyarakat perlu terus bersedia dengan membuat perancangan kewangan dan membeli perlindungan takaful bagi menjamin kestabilan kewangan. Perancangan awal boleh memberi ketenangan fikiran tanpa perlu memikirkan bebanan kewangan yang bakal dilalui.

Analisis ekonomi tempatan mendapati tidak sampai 10 peratus golongan berpendapatan rendah (B40) membuat perancangan kewangan dengan mempunyai simpanan dan hanya bergantung harap kepada gaji. Lebih parah, terdapat peniaga dan individu bekerja sendiri yang mempunyai simpanan kurang daripada RM3,000.

Dengan jumlah sebanyak ini, mereka dijangka hanya mampu bertahan selama sebulan sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

Adalah menjadi satu kewajipan bagi setiap lapisan masyarakat untuk mempunyai perancangan kewangan termasuk simpanan kecemasan. Jika sebelum ini ada yang menganggap simpanan kecemasan sebagai mitos semata-mata, kini ia menjadi realiti.

Sebagaimana yang disarankan oleh kebanyakan pakar kewangan, setiap individu memerlukan sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan pendapatan untuk dijadikan sebagai simpanan kecemasan.

Jika berlaku perkara tidak diduga, kita masih mampu bertahan dengan simpanan kecemasan bagi tempoh singkat terdekat.

Dalam pada itu, terdapat juga laporan

mengenai kadar pemilikan perlindungan insurans dan takaful dalam kalangan masyarakat yang masih rendah.

Memiliki perlindungan insurans dan takaful kini satu keperluan dan bukan lagi pilihan. Ia penting bagi menjamin kestabilan kewangan sekiranya ditimpa musibah yang tidak diinginkan.

Jika tidak memiliki perlindungan, besar kemungkinan wang simpanan yang penat dikumpul boleh habis dibelanjakan seadanya mengalir. Hal ini boleh mendatangkan masalah dan menyulitkan.

Jika diteliti secara terperinci, perancangan kewangan dan perlindungan takaful memenuhi tuntutan lima prinsip utama maqasid syariah.

Pertama, dari segi memelihara agama. Pengurusan kewangan yang baik dapat menyelamatkan diri daripada terjerumus dengan perangkap along atau ceti haram yang sudah terang lagi bersuluh melibatkan unsur riba.

Kedua, dari segi memelihara nyawa. Perlindungan takaful seperti pelan perubatan dan pelan penyakit kritikal membolehkan seseorang pesakit mendapatkan rawatan yang terbaik dan sewajarnya.

Ketiga, memelihara akal. Perancangan kewangan dan perlindungan takaful dapat menjamin ketenangan fikiran sekiranya sesuatu musibah datang melanda.

Keempat, memelihara keturunan. Sekiranya seseorang ketua keluarga atau pencari nafkah meninggal dunia atau tidak lagi mampu untuk meneruskan pekerjaan, pasangan atau ahli keluarga masih boleh meneruskan kehidupan dengan sumber kewangan dan manfaat perlindungan yang ditinggalkan.

Kelima, pemeliharaan harta. Perancangan kewangan dan perlindungan takaful dapat mengelak seseorang yang ditimpa musibah daripada bergolok-gadai harta benda untuk perbelanjaan harian dalam meneruskan kehidupan.

**MOHD. FAIZOL RIZAL MOHD. RASID
& DR. MOHD. HAFIZ ZULFAKAR**
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Kampus Puncak Alam



KADAR pemilikan perlindungan insurans dan takaful dalam kalangan masyarakat masih rendah.
- GAMBAR HIASAN

12 March 2022

by: Mohd Faizol
Rizal Mohd

Rasid &
Dr. Mohd Hafiz
Zulfakar

Syor wujud perlindungan bencana berasas komuniti



Oleh Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid
dan Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Kampus
Puncak Alam

Tidak sampai tiga bulan tragedi banjir besar melanda negara pada akhir tahun lalu, penduduk di Lembah Klang dikejutkan lagi dengan kejadian banjir hampir melumpuhkan ibu kota pada minggu ini.

Bencana banjir kilat yang tidak diduga pada kali ini menyaksikan ribuan kenderaan terperangkap dan ditenggelami banjir; selain ribuan kediaman di Lembah Klang mengalami kerosakan.

Rata-rata penduduk tidak menjangkakan sama sekali kejadian banjir boleh berulang dalam tempoh terdekat sehingga mengakibatkan banyak kerosakan dan kemusnahan harta benda.

Hal ini jelas menunjukkan bencana alam seperti banjir kilat boleh berlaku pada bila-bila masa. Umum mengetahui kerugian akibat kerosakan dan kemusnahan harta benda disebabkan bencana alam seperti banjir boleh dilindungi dengan perlindungan peril khas tambahan di bawah polisi insurans atau sijil takaful.

Jika tiada persediaan awal dibuat dengan mengambil perlindungan peril khas insurans, sudah pasti kerugian besar akan terus dihadapi rakyat. Ini termasuk kerugian akibat kemusnahan secara menyeluruh yang mana mana kos membaik pulih terlampau tinggi.

Secara amnya, perlindungan peril khas insurans memainkan peranan penting sebagai bentuk bantuan pemulihan akibat bencana alam. Namun begitu, ramai masyarakat tidak mempunyai perlindungan peril khas untuk bencana disebabkan ku-

rangnya pendedahan, selain kemampuan untuk mendapatkan perlindungan.

Namun, sejak tragedi banjir pada akhir tahun lalu, tahap kesedaran dan pemilikan perlindungan peril khas insurans dalam kalangan masyarakat untuk melindungi kenderaan daripada risiko bencana dilihat semakin baik.

Ramai pemilik kenderaan memilih untuk mendapatkan perlindungan tambahan ini disebabkan ketidakpastian cuaca kebelakangan ini. Namun begitu, masih terdapat jurang besar dilihat dalam pemilikan perlindungan peril khas bencana untuk kediaman dan harta benda.

Dalam hal ini, mungkin sudah tiba masa untuk kerajaan serta pemain industri perlindungan harta negara merangka dan mewujudkan perlindungan insurans bencana berasaskan komuniti.

Perlindungan ini wajar bagi mengurangkan beban kerajaan membantu mangsa terbabat ben-

cana untuk bangkit semula meneruskan kehidupan.

Mengambil contoh Skim Khairat Kematian yang berperanan menjaga kebajikan ahli, perlindungan bencana berasaskan komuniti juga berupaya memberi jaminan perlindungan kepada komuniti untuk melindungi kediaman dan harta benda yang rosak atau musnah akibat bencana alam.

Insurans atau takaful bencana berasaskan komuniti berpotensi membantu kerajaan merapatkan jurang perlindungan serta meningkatkan tahap kestabilan kewangan mangsa bagi pemulihan akibat ditimpa bencana.

Perlindungan ini harus dirangka untuk menyediakan perlindungan terhadap risiko bencana dan menepati keperluan komuniti, selain memastikan bayaran premium rendah, berpatutan dan tidak membebankan.

Kajian Wharton School, Universiti Pennsylvania di bandar Marshfield, Massachusetts membuktikan perlindungan bencana berasaskan komuniti berjaya mempertingkatkan daya saing kewangan sebuah komuniti, mempercepatkan proses pemulihan mereka yang terkesan dan menyokong pembangunan ekonomi pasca bencana.

Kajian itu juga mendapati model perlindungan ini mampu memberi insentif pada peringkat masyarakat setempat dengan memastikan bayaran premium dikenakan adalah mampu mampu bayar; perlindungan lebih menyeluruh, di samping membantu proses penilaian risiko.

Secara asas, insurans dan takaful bencana berasaskan komuniti mampu meningkatkan daya tahan fiskal kerajaan dan meningkatkan kadar perlindungan masyarakat.

Ia juga dilihat mampu meningkatkan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan komuniti menghadapi musibah pada masa depan. Bak kata pepatah, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.



Perlindungan bencana berasaskan komuniti perlu dirangka menepati keperluan masyarakat terjejas. (Foto hiasan)

19 March 2022

by: Dr. Mohd Rahim
Khamis

Gaji minimum baharu bantu rapat jurang kemiskinan



Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi
dan Pengajian
Kewangan Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan UTM
Puncak Alam,
Kampus Selangor

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Pertumbuhan ekonomi sangat berkait rapat dengan kadar kemiskinan bagi sesebuah negara. Justeru, apabila kerajaan mahu menyemak semula garis kemiskinan, ia satu pendekatan wajar dilakukan. Semakan garis kemiskinan bertujuan mengurangkan jurang kemiskinan dalam masyarakat sehingga akhirnya yang kaya menjadi semakin kaya dan miskin menjadi semakin miskin.

Mungkin pelbagai aspek perlu diberi perhatian dalam menangani isu kemiskinan ini, antaranya pendapatan penduduk, peralihan struktur ekonomi, kadar penyerahan guna tenaga, urbanisasi, taburan pekerja profesional dan penyertaan wanita dalam pekerjaan.

Di Malaysia, dengan kadar pertumbuhan ekonomi semakin memberangsangkan walaupun masih berdepan pandemik COVID-19, semakin kadar garis kemiskinan perlu dilakukan memandangkan negara berdepan dengan pelbagai isu yang membolehkan jurang pendapatan semakin melebar dan menyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan.

Kadar pendapatan diguna pakai bagi menentukan kadar kemiskinan setiap rumah adalah RM2,208 sebulan bagi isi rumah miskin dan miskin tegar pula RM1,169.

Apabila COVID-19 menyerang negara, kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyaksikan banyak aktiviti ekonomi terpaksa ditutup sepanjang ia dilaksanakan. Sepanjang fasa PKP, ramai rakyat kehilangan pekerjaan atau terjejas pendapatan akibat pemotongan gaji

oleh syarikat atau majikan.

Walaupun kerajaan memberi moratorium dan membenarkan pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), ia hanya membantu mengurangkan beban rakyat dalam tempoh tertentu saja.

Sumber kewangan terbabit hanya mampu bertahan bagi tempoh singkat terutama mereka yang dibuang kerja dan gaji dipotong majikan.

Akhirnya, mereka tidak mampu menampung perbelanjaan harian dan membayar hutang piutang, sekali gus menyebabkan mereka terjerumus ke dalam kumpulan miskin.

Sementara itu, gaji atau upah rendah yang tidak selari dengan keadaan ekonomi semasa turut memberi tekanan kepada isi rumah untuk berbelanja.

Kenaikan harga barang ditambah pula dengan kadar sara hidup tinggi terutama di bandar besar turut memberi kesan kepada sumber kewangan ra-

kyat terutama ketika menempuh PKP.

Sehubungan itu, apabila penetapan kadar gaji minimum yang baharu bakal dilaksanakan, iaitu sekitar RM1,500 seperti dimaklumkan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, ia dijangka memberi kesan kepada kadar kemiskinan rakyat.

Kenaikan kadar gaji minimum dijangka membantu isi rumah meningkatkan lagi keupayaan mereka berbelanja dan membeli, seterusnya memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping itu, ketidaksamaan pembangunan antara wilayah dan negeri atau bandar dan luar bandar juga menjadi satu cabaran kerajaan dalam memastikan kadar kemiskinan dapat dikawal.

Ini dapat dilihat apabila ada sesetengah wilayah atau negeri mempunyai pembangunan pesat, sektor ekonominya melonjak, sekali gus mengukuhkan semula tahap kesejahteraan rakyat.

Walaupun pelbagai inisiatif dilaksanakan, ia masih belum cukup untuk memastikan pembangunan antara wilayah dan negeri adalah seimbang.

Apabila pembangunan dan penumpuan ekonomi hanya tertumpu kepada sesuatu wilayah atau negeri saja, berlaku migrasi tenaga kerja secara besar-besaran dan akhirnya mengakibatkan negeri atau wilayah yang kurang maju kekal miskin susulan kelembapan kegiatan ekonomi.

Apabila negeri atau wilayah kurang maju dan miskin tidak dapat menawarkan peluang pekerjaan yang banyak, sudah pasti ia menyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan dalam negeri atau wilayah berkenaan.

Oleh itu, sebagai sebuah Keluarga Malaysia, kita perlu berganding bahu dalam memastikan isu kemiskinan dan jurang pendapatan ini dapat ditangani dengan berkesan.



Kenaikan kadar gaji minimum dijangka membantu isi rumah meningkatkan lagi keupayaan mereka berbelanja dan membeli.
(Foto hiasan)

22 March 2022

by: Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid &
Dr. Mohd Hafiz Zulfakar

Insurans takaful pertanian tingkat daya saing agromakanan



Oleh Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid dan Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam

Industri agromakanan negara diakui mempunyai daya tahan tinggi, walaupun berdepan pelbagai siri krisis dunia.

Tidak hairan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ke-14 turut menyentuh sumbangan industri agromakanan yang jelas mencerminkan kepentingan terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan, sumbangan industri agromakanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus kepada RM51.3 billion pada 2020 berbanding RM28.1 billion (2011).

Daripada jumlah itu, sektor pertanian kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK industri agromakanan negara dengan RM24.1 billion berbanding subsektor lain.

Bagaimanapun, pembangunan sektor pertanian negara perlu dipergiatkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import. Selain meningkatkan pendapatan eksport negara, ia mewujudkan peluang pekerjaan hingga dapat merapatkan jurang pendapatan antara bandar dengan luar bandar.

Menyedari kepentingan melindungi risiko dan ancaman bencana alam terhadap pengeluaran pertanian, pengenalan skim insurans dan takaful pertanian dalam industri agromakanan negara, terutama golongan petani dilihat sebagai keperluan dan mekanisme terbaik memastikan daya saing sektor ini terus mampan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee memaklumkan kerajaan akan mewujudkan skim insurans dan takaful pertanian yang akan diperkenalkan pada suku kedua tahun ini.

Langkah ini bertepatan dan sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021-2025).

Dianggarkan 320,000 petani sektor padi beras di seluruh negara bakal menjadi kumpulan perintis sebelum diperluaskan kepada subsektor lain.

Manfaat yang akan diterima, termasuk perlindungan terhadap tanaman daripada risiko dan ancaman bencana alam, serangan penyakit serta ketidakpastian iklim yang menyebabkan pengurangan hasil pengeluaran dan menjejaskan sumber pendapatan petani.

Akibat musibah banjir penghujung tahun lalu, sektor pertanian, perikanan dan penternakan negara terjejas teruk dengan kerugian dilaporkan dianggarkan lebih RM90.6 juta.

Justeru, bagi memastikan kerugian akibat bencana alam seperti banjir dapat dilindungi, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Agrobank yang diberi mandat menyalurkan skim ini perlu memperhalusi beberapa aspek.

Pertama, kadar premium berpatutan. Terdapat pelbagai saranan agar MAFI memastikan kadar bayaran premium bersesuaian dengan skop dan jenis perlindungan ditawarkan kepada penggiat sektor pertanian.

Adalah penting pengelola skim mengambil kira tahap kemampuan golongan sasaran, termasuk kemam-

puan fiskal kerajaan yang masih bergelut dengan pandemik COVID-19 dan beberapa siri bencana alam.

Bagi mengelakkan timbul 'masalah dalam masalah', kadar bayaran premium harus tidak membebankan golongan sasaran dan kerajaan.

Kerajaan juga harus mempertimbangkan kaedah terbaik menggunakan peruntukan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sebagai dana suntikan atau subsidi dalam memastikan lebih ramai penyertaan golongan petani.

Namun, tanggungjawab dan keperluan subsektor lain di bawah industri agromakanan tidak boleh diabaikan.

China sudah lama memperkenalkan insurans pertanian seumpama ini untuk membantu petani berdepan cabaran dan risiko bencana alam. Ia turut memberi subsidi sama rata dan bersesuaian kepentingan serta sumbangan setiap sektor di bawah industri agromakanan.

Ganjaran insentif dalam bentuk pengurangan kadar bayaran premium juga boleh diperkenalkan sekiranya peserta mempunyai tahap pengurusan risiko baik dan tidak ditimpa sebarang bencana dalam sesuatu tempoh.

Penyediaan infrastruktur baik seperti sistem saliran dan pengaliran, penggunaan baja berkualiti, teknologi penanaman moden serta terkini boleh dijadikan antara faktor untuk mengurangkan risiko. Ini untuk memastikan setiap peserta hanya membayar premium berdasarkan risiko dimiliki.

Kedua, penggunaan terma dan syarat dalam dasar juga haruslah mudah difahami serta tidak mengelirukan golongan sasaran.

Setiap peserta perlu memahami segala skop perlindungan ditawarkan, pengecualian tidak akan ditanggung dan syarat termaktub dalam polisi atau sijil untuk mengelakkan sebarang masalah timbul.

Pengenalan skim insurans dan takaful pertanian dalam industri agromakanan negara, terutama golongan petani dilihat sebagai keperluan dan mekanisme terbaik memastikan daya saing sektor ini terus mampan



Bagi memastikan penyertaan menyeluruh, sokongan dan bantuan wakil persatuan petani, kerajaan negeri serta agensi berkaitan diperlukan bagi memudahkan proses penyertaan peserta.

Ketiga, tuntutan pantas. Memandangkan skim insurans dan takaful pertanian baru hendak diperkenalkan, timbul sedikit keimbangan sekiranya proses tuntutan terlalu rumit dan mengambil masa lama.

Justeru, tatacara dan prosedur operasi standard (SOP) untuk proses tuntutan perlu diperincikan serta dipermudahkan agar dapat membantu golongan sasaran bangkit dengan cepat tanpa sebarang kelewatan.

Keempat, kesedaran. Pengurangan bayaran premium semata-mata tidak banyak membantu dalam meningkatkan kadar penembusan insurans pertanian. Justeru, MAFI perlu memperhebatkan kempen dan promosi untuk memberi kefahaman serta mewujudkan kesedaran.

Penggunaan saluran dan medium mempromosikan skim perlindungan perlu bersesuaian serta sampai kepada golongan sasaran lebih-lebih lagi penduduk luar bandar atau pedalaman.

Bagi memastikan skim insurans dan takaful pertanian dapat memberi manfaat sepenuhnya, MAFI dan agensi berkaitan perlu turun ke lapangan mendekati golongan sasaran dan mendengar sendiri permasalahan serta cadangan mereka.

Kelima, teknologi. Pengelola skim insurans dan takaful pertanian harus memastikan setiap peserta yang ingin menyertai skim perlindungan bersedia sepenuhnya.

Makluman dan hebahan awal perlu diterima golongan sasaran sekiranya terdapat keperluan mewajibkan penggunaan teknologi pertanian pintar seperti internet kebendaan (IoT), data raya, kecerdasan buatan (AI) dan rantai blok bagi menjamin keberkesananannya.

Kesediaan golongan petani tua masih menggunakan cara dan konsep pertanian tradisional perlu dipertimbangkan. Terdapat kajian mendapati hanya golongan petani muda dan moden lebih berminat untuk turut serta dalam skim insurans dan takaful pertanian.

Pengelola juga disarankan menggunakan teknologi terkini seperti 'remote sensing' dan dron yang dapat mempercepatkan proses penilaian risiko serta kerosakan dan kemusnahan tanaman.

Keenam, kerjasama awam swasta. Pembabitn syarikat insurans dan pengendali takaful perlu diketengahkan melalui kerjasama awam swasta.

Kerajaan sebagai pengelola skim akan menerima sumbangan kepakaran dan kemahiran swasta berkaitan dalam memahami serta menguruskan skim ini.

Adalah wajar skim insurans dan takaful pertanian diberi keutamaan kerajaan agar dapat membantu penggiat industri agromakanan terutama dari sektor pertanian untuk terus berdaya tahan di samping meringankan bebanan kerajaan membantu golongan sasaran ini jika dilanda musibah.

25 March 2022

by: Zuraidah Ismail

Sedia kemudahan khas, sokongan bantu golongan OKU di IPT

Zuraidah Ismail
dan Marhani
Mohamed
Anuar,
Pensyarah
Kanan, UiTM
Puncak Alam

Isu golongan orang kelainan upaya (OKU) selalu menarik perhatian ramai apatah lagi mereka sering dianggap sebagai kelompok yang diabaikan.

Hal ini bukan hanya terjadi dalam kalangan masyarakat umum sahaja, tetapi di institusi pengajian tinggi (IPT) juga keadaan sama berlaku.

Situasi ini seharusnya diubah dengan memperbanyakkan infrastruktur yang bersesuaian dengan golongan OKU bagi memudahkan mobiliti serta aktiviti kumpulan berkenaan.

Mengikut definisi Jabatan Kebajikan Masyarakat, OKU adalah seseorang dengan ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan pelbagai halangan mungkin tidak dapat memabitkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.

Justeru, definisi OKU juga tidak boleh dihadkan kepada mereka yang berkerusi roda sahaja atau bertongkat. Sebaliknya individu dengan masalah kesihatan mental seperti tekanan perasaan yang mendalam dan kemurungan juga boleh dianggap sebagai OKU.

Bagi golongan OKU yang cacat secara fizikal seperti kehilangan penglihatan, pendengaran atau kehilangan anggota badan, kemudahan yang

bersesuaian perlu disediakan untuk memudahkan pergerakan mereka seperti orang lain. Contohnya, petak meletak kenderaan perlulah disediakan mengikut spesifikasi yang sepatutnya. Ia juga mestilah ditandai dengan warna dan saiz seragam.

Begitu juga dengan tandas awam yang seharusnya dilengkapi dengan kemudahan untuk golongan OKU seperti bilik tandas agak luas, penyediaan pemegang besi untuk berpaut, loceng kecemasan dalam tandas dan sinki serta kedudukan paip air pada paras bersesuaian bagi golongan ini.

Secara umumnya, terdapat seramai 587,608 daripada anggaran 4.8 juta golongan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Angka ini boleh bertambah berdasarkan faktor pemakanan yang menyumbang kepada peningkatan risiko kesihatan seperti masalah jantung, angin ahmar, kencing manis dan darah tinggi.

Sekiranya penyakit ini gagal dikawal dan mencapai tahap serius, ia boleh mengakibatkan seseorang itu berisiko untuk termasuk dalam golongan OKU. Contohnya, seseorang pesakit yang menghidap darah tinggi amat berisiko untuk diserang angin ahmar seterusnya mengakibatkan kelumpuhan anggota badan.

Selari dengan persekitaran semasa, amat penting untuk kerajaan menyediakan infrastruktur yang

bersesuaian dengan golongan OKU.

Dalam konteks IPT, lebih banyak kemudahan perlu disediakan kepada mereka. Hak mendapat pendidikan adalah sama rata justeru, buanglah anggapan klise terhadap mereka sebaliknya lebih bersikap prihatin selain sedar golongan itu juga mempunyai peranan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Justeru, IPT boleh memikirkan untuk menyediakan laluan khusus berkerusi roda untuk setiap bangunan akademik atau blok asrama. Penyediaan lif khas bagi golongan OKU amat digalakkan sekiranya ia sangat perlu bagi sesebuah bangunan.

Begitu juga dengan golongan OKU penglihatan, mereka perlu disediakan dengan laluan khas bagi memudahkan mobiliti dalam kampus. Bagi golongan kelainan upaya dari kategori kesihatan mental pula, sokongan padu yang diberikan oleh pihak pengurusan IPT adalah sangat penting. Mereka yang tergolong dalam kumpulan ini lebih memerlukan empati berbanding simpati. Mereka berhak dilayan sama rata seperti orang lain dan bukan dikategorikan sebagai individu yang tidak berdaya.

Sekiranya platform yang tepat dapat diwujudkan, segala kesulitan golongan OKU ini dapat diatasi dan ia juga mampu mewujudkan suasana yang lebih harmoni dan pasti prestasi sesebuah IPT dapat dinaik taraf.

26 March 2022

by: Elmer Marius, student

Uji pemahaman pelajar IPT isu rasuah

Dua NGO
anjur pertandingan
penulisan esei dan video
pendek antirasuah

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL
ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM

Bagi mengukur pemahaman pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tentang rasuah, dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah menganjurkan Pertandingan Penulisan Esei dan Video Pendek Anti Rasuah.

Dua NGO terbabit merupakan Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia (ASWA) dan Persatuan Sahabat Wanita Prihatin (SWAP).

Pengerusi ASWA, Wan Azliana Wan Adnan berkata, pihaknya menganjurkan per-

tandingan itu kerana merasa bimbang terhadap golongan muda di negara ini tentang adakah mereka memahami mengenai rasuah.

"Bila saya tengok yang nak mengundi (dalam pilihan raya) ini ialah (mereka yang berumur) 18 tahun ke atas, kita merasa bimbang adakah mereka faham apakah itu rasuah.

"Jadi kita nak mereka terlibat sama (dalam pertandingan dianjurkan). Kita nak (tahu) pemahaman mereka setakat mana.

"Bila kita buat pertandingan ini dalam kalangan pelajar IPT, memang saya tengok mereka faham," katanya kepada *Sinar Harian* selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Penulisan Esei dan Video Pendek Anti Rasuah pada Khamis.

Pertandingan ini dibuka untuk penyertaan pelajar IPT di seluruh negara bermula Januari sehingga Mac 2021.

Untuk pertandingan penulisan esei, ia bertemakan 'Rasuah: Penyakit Yang Wajib

Diubati' manakala pertandingan video bertemakan 'Rasuah Jenayah Yang Merosakkan Kemanusiaan'.

Bagi pertandingan penulisan esei dimenangi oleh pelajar jurusan pentadbiran perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Elmer Marius manakala kategori video pendek dimenangi pelajar Universiti Multimedia (MMU), Muhammad Firdaus Kamalruzaman.

Kedua-dua pemenang tempat pertama itu masing-masing menerima komputer riba yang disampaikan oleh Wan Azliana.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kemenangannya dalam pertandingan penulisan esei, Elmer berkata, beliau terkejut kerana dipilih sebagai pemenang dalam kategori berkenaan.

Menurutnya, ia merupakan kali pertama beliau menyertai penulisan esei yang bertemakan tentang rasuah.

"Idea yang timbul bagi penulisan esei saya adalah daripada



Wakil Muhammad Firdaus (kiri) menerima hadiah komputer riba yang disampaikan oleh Wan Azliana pada Khamis.

pembacaan dan perkara-perkara (rasuah) yang dilaporkan di dalam berita sebelum ini," jelasnya.

Bagi Muhammad Firdaus pula, beliau tidak menjangka menang dalam kategori video pendek.

"Rezeki tidak disangka-

sangka. Kalau tidak silap saya, banyak juga penyertaan dan saya rasa bersyukur atas kemenangan ini," katanya.

Beliau dalam masa yang sama turut berharap kegiatan rasuah di negara ini akan dapat dibanteras sepenuhnya.

29 March 2022

by: Dr. Mohd Hafiz Zulfakar &
Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid

Hanya RM3.75 guna pengangkutan awam

SAUDARA PENGARANG,

BERMULA Disember lalu, orang ramai berpeluang untuk merasai sendiri pengalaman baharu menggunakan pengangkutan awam di sekitar Lembah Klang dengan kadar bayaran sangat menjimatkan.

Pas Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) bertujuan menggalakkan lebih ramai rakyat menggunakan pengangkutan awam pada Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Pas perjalanan tanpa had itu membolehkan perjalanan seramai empat orang dalam satu kumpulan dengan kadar bayaran sebanyak RM15 sehari. Sememangnya ia sangat murah dan berbaloi, secara purata hanya RM3.75 dikenakan bagi setiap individu.

Bagi kanak-kanak berusia enam tahun dan ke bawah pula, pengecualian bayaran diberikan dan mereka hanya perlu menunjukkan MyKid untuk pengesahan bagi menikmati kemudahan pas perjalanan itu.

Pas perjalanan ini meliputi semua perkhidmatan iaitu bas Rapid KL, transit aliran ringan (LRT), transit aliran massa (MRT), monorel dan bas Rapid Transit-Laluan Sunway yang menghubungkan lokasi-lokasi strategik di sekitar Lembah Klang bagi aktiviti riadah, pelancongan dan beli-belah.

Terlalu banyak penjimatan yang ditawarkan oleh pas perjalanan itu dan sudah tentu jauh lebih murah berbanding kadar bayaran tempat letak kenderaan bagi tempoh sama.

Pengenalan pas perjalanan berkumpulan ini diharapkan dapat merancakkan dan merangsang kembali penggunaan pengangkutan awam di sekitar Lembah Klang. Pada masa ini, penggunaan pengangkutan awam di Malaysia khususnya di Lembah Klang masih di bawah tahap disasarkan.

Berkemungkinan besar ia berpunca daripada stigma masyarakat yang sudah lekat bermain di minda terhadap perkhidmatan pengangkutan awam negara yang tidak efektif dan efisien.

Mungkin masih ramai yang membayangkan perkhidmatan pengangkutan

awam sering lewat tiba, sesak dengan penumpang, keadaan panas yang mengganggu keselesaan di samping terpaksa menunggu lama.

Ia mungkin diburukkan lagi dengan insiden yang tidak diinginkan berdasarkan pengalaman lampau seperti gangguan seksual dan ancaman penyeluk saku yang pernah berleluasa sebelum ini.

Berdasarkan pemerhatian, perkhidmatan dan jaringan pengangkutan awam di negara ini sudah berkembang rancak dan mengalami evolusi yang pesat. Sebagai contoh, perkhidmatan bas telah disepadukan dan distruktur semula.

Pengenalan dan tumpuan kepada perkhidmatan LRT dan MRT yang menghubungkan kawasan berkepadatan tinggi turut merevolusikan aksesibiliti dan mobiliti penduduk khususnya yang tinggal di Kuala Lumpur dan Selangor.

Ketersambungan perjalanan melalui pelbagai jenis pengangkutan awam juga sudah ditambah baik dengan adanya kemudahan pertukaran di terminal berstatus bersepadu.

Namun, jika hendak dibandingkan dengan negara-negara maju lain seperti United Kingdom, Australia mahupun negara jiran, Singapura, kadar penggunaan pengangkutan awam di negara kita masih kurang berbanding kenderaan persendirian.

Orang ramai di luar negara bukan sahaja menggunakan pengangkutan awam bagi tujuan pergi dan balik kerja, namun turut menaikinya bagi tujuan sosial dan lain-lain. Ia juga sering dijadikan pilihan tidak kira sama ada pada hari biasa mahupun di hujung minggu.

Penduduk di luar negara tidak mempunyai tanggapan seperti segelintir masyarakat kita bahawa penggunaan kenderaan persendirian melambangkan status kehidupan yang tinggi dan pengangkutan awam hanya untuk kegunaan golongan tidak berkemampuan.

**DR. MOHD. HAFIZ ZULFAKAR & MOHD.
FAIZOL RIZAL MOHD. RASID**
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Kampus Puncak Alam

30 March 2022

by: Mohd Faizol Rizal
Mohd Rasid

Fasa peralihan ke endemik uji rakyat patuh SOP



Pensyarah
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus
Puncak Alam

Oleh Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid
bhrencana@bh.com.my

Malaysia bakal melangkah fasa peralihan ke endemik bermula Jumaat ini selepas lebih dua tahun bergelut memerangi pandemik COVID-19.

Ibarat 'bonus' yang sudah lama dinantikan, pengumuman itu memberi kelegaan kepada rakyat selepas terpaksa mengharungi pelbagai sekatan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 2020.

Langkah kerajaan ini dalam usaha melaksanakan proses pemulihan bagi sektor terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 dianggap tepat pada masanya.

Keyakinan dan keberanian melaksanakan *exit-strategy* wajar bagi membolehkan masyarakat kembali menjalani kehidupan normal seperti sebelum penularan COVID-19.

Justeru, Keluarga Malaysia perlu sedar fasa peralihan ke endemik tidak sesekali menjamin keselamatan masyarakat sepenuhnya.

Rakyat perlu memahami sepenuhnya dan menganggap fasa peralihan ke endemik bukan kejayaan mutlak memerangi COVID-19.

Yang pasti, ia bukan 'tiket' bagi menjalani kehidupan bebas sepenuhnya sehingga enggan atau menolak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika di fasa peralihan ke endemik.

Kelonggaran diberikan bukan bermaksud negara berjaya memerangi COVID-19, sebaliknya patuhan SOP perlu dikekalkan.

Pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal, mengelak berada di tempat sesak, menghindari bersentuhan, menjaga kebersihan diri adalah tindakan dan amalan sendiri harus dikekalkan bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

Masyarakat perlu diingatkan supaya terus mengambil pendekatan lebih proaktif dengan melakukan penilaian risiko sendiri secara berterusan.



Rakyat perlu mengekalkan SOP walaupun negara memasuki fasa peralihan ke endemik.

(Foto hiasan)

Hebahan dan kempen meningkatkan kefahaman masyarakat terutama keperluan melakukan ujian sendiri dan pencegahan COVID-19 perlu diteruskan.

Kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi berkaitan amat diperlukan supaya rakyat tidak meletakkan tanggungjawab ini kepada KKM semata-mata.

Masyarakat perlu terus berwaspada dan ambil iktibar kegagalan negara lain mengurangkan jangkitan walaupun kadar vaksinasi tinggi.

Selain itu, disiplin dan kepatuhan masyarakat terhadap SOP perlu kekal tahap tertinggi untuk memastikan kes baharu sentiasa terkawal, sekali gus mengurangkan beban kepada sistem kesihatan awam negara.

Bagi sektor pekerjaan, elemen pengurusan risiko

di tempat kerja perlu diamalkan dan dititikberatkan majikan bagi memastikan persekitaran kerja selamat dan sihat.

Antara faktor pengurusan risiko serta tindakan perlu diambil adalah mengekalkan persekitaran dan sistem kerja selamat berdasarkan SOP semasa.

Pelaksanaan penilaian risiko untuk mengurangkan penularan COVID-19 di tempat kerja juga perlu dilakukan secara berterusan.

Majikan perlu menyediakan maklumat, pekeling, arahan dan penyeliaan berkala bagi mengelak risiko penularan COVID-19 di tempat kerja.

Apa yang penting, rakyat perlu menghargai kelonggaran diberikan dan kekal berdisiplin mematuhi SOP ditetapkan. Kegagalan rakyat untuk bersatu memerangi virus ini mungkin akan menggagalkan proses pemulihan negara.

THANK YOU

to all news writers:

Dr. Hafiz Zulfakar - 6 news

Mohd Faizol Rizal Mohd Rasid - 5 news

Dr. Mohd Rahim Khamis - 1 news

Dr. Wan Marhaini Wan Omar - 1 news

Zuraida Ismail - 1 news

**From: FBM Corporate
communication team**